

**DOL SAID** (1773–1849), Penghulu Naning (1779–1833). Dia berketurunan suku Semelenggang. Pada tahun 1801, Dol Said bersama-sama Lela Hulubalang, Orang Kaya Kecil, Membangun Kaya, Maharaja Nan Kaya dan Maulana Garang menandatangani perjanjian dengan pihak British yang diwakili oleh Leftenan Kolonel Aldwell Taylor. Dalam perjanjian ini, Naning sanggup menghantar satu per sepuluh hasil tahunannya kepada British yang mengambil alih pentadbiran Melaka daripada Belanda (1795–1818).

Selepas Perjanjian Inggeris-Belanda (1824), British menduduki semula Melaka pada tahun 1825, British mengakui Naning sebagai sebahagian daripada Melaka dan mengarahkan Naning menghantar hasil tahunan ke Melaka pada tiap-tiap enam bulan dan tidak dibenarkan menyelesaikan sebarang kes jenayah di Naning.

Dol Said berpendapat Naning ialah sebuah negeri yang bebas dan British tidak berhak ke atas Naning. Larangan yang dikenakan ke atas Dol Said dianggap sebagai mencabar kewibawaannya sebagai Penghulu Naning.

Pada tahun 1827, Robert Fullerton, Gabenor Negeri-Negeri Selat, mengarahkan W.T. Lewis, Timbalan Residen Melaka, menjalankan siasatan untuk melaksanakan peraturan tanah di Naning. W.T. Lewis mengesyorkan supaya British campur tangan dalam pentadbiran Naning dan menawarkan pencen kepada Dol Said di samping mengambil tindakan tentera terhadap Naning. Cadangan ini tidak mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Pulau Pinang.

Pada tahun 1828, Dol Said menerima amaran daripada British kerana menyelesaikan kes jenayah di Naning. Pada tahun 1829, Dol Said menerima kata dua daripada Thomas Church, Residen Konsular Melaka, untuk melucutkan jawatannya sekiranya dia ingkar arahan British. Dia juga menolak jemputan Robert Fullerton ke Melaka, sebaliknya dia mengarahkan penduduk Naning bersiap sedia untuk berperang dengan British.

Pada tahun 1830, Dol Said diarahkan oleh Sir Samuel Garling, Residen Konsular Melaka, 'supaya membayar' ganti rugi kerosakan tanaman Encik Surin kerana angkara pengikut Dol Said. Dol Said juga diarahkan hadir bersama-sama Empat Suku ke Melaka tanpa senjata. Sekiranya dia tidak hadir, Dol Said akan dianggap sebagai melawan British. Dol Said menganggap arahan ini bertujuan semata-mata untuk memutuskan hubungan Naning-British yang telah terjalin sejak tahun 1801.

Pada bulan Julai 1831, pihak British telah bersiap sedia melancarkan serangan ke atas Naning. Sementara itu, Dol Said mengumpulkan lebih kurang 4000 orang penduduk Naning, Muar, Sungai Ujong, Seri Menanti dan Rembau. Dia juga dibantu oleh Yamtuan Ali dari Rembau dan menantunya, Syed Shaban, serta Penghulu Remai dan Rechat. Pasukan British yang dihantar ke Naning telah ditumpaskan oleh Dol Said.

Pada tahun 1832, Dol Said sekali lagi menghadapi serangan British. Pasukan British kali ini lebih besar daripada dahulu dan kebanyakan jirannya, seperti Yamtuan Ali dan Syed Shaban tidak lagi membantu Naning, malah Syed Shaban menyokong British. Peperangan tahun 1832 berakhir dengan kekalahan Naning. Pada 15 Jun 1832, Naning ditawan oleh British. Dol Said mengundur diri ke Rembau dan kemudiannya ke Gunung Pasir. R. Ibbetson, Gabenor Negeri-Negeri Selat, menaikkan tawaran hadiah daripada RM1000 sehingga RM2000 untuk menangkap Dol Said. Pada tahun 1832, J.B. Westerhout dilantik sebagai pemerintah Naning.

Pada 4 Februari 1833, Dol Said menyerah diri kepada J.B. Westerhout. Dol Said ditempatkan di Melaka dan diberi sebuah rumah dan pencen.

Dol Said meninggal dunia pada bulan Ogos 1869.

**DOKOH**, sejenis perhiasan leher, biasanya dipakai oleh wanita. Terdapat juga lelaki yang memakainya sewaktu menjadi pengantin. Dokoh berasal dari India dan dibawa ke Kepulauan Melayu oleh pedagang dari Sumatera. Bagaimanapun, apabila didagangkan di Kepulauan Melayu, reka bentuknya telah diubahsuai mengikut cita rasa orang

Melayu. Hasil kerja tangan dokoh kemudiannya dipopularkan di pantai timur dan dinaungi oleh keluarga diraja dan pembesar negeri. Hingga kini masih terdapat tukang emas dan perak yang meneruskan perusahaan ini.

Dokoh berbentuk seutas rantai dengan beberapa kepingan hiasan (biasanya tiga) yang bertingkat. Kepingan dokoh ini dihias dengan corak yang bermotifkan daun sukun. Teknik membuat dokoh yang disukai oleh tukang adalah dengan menggunakan pahat silat yang berunsurkan berbagai-bagai motif alam semula jadi atau awan larat bermotifkan daun, bunga dan akar menjalar.

Terdapat dokoh yang berbentuk segi tiga atau berbentuk bulan sabit. Ragam hias yang digunakan di atas permukaan kepingan dokoh juga menggambarkan kerumitan reka corak dan kepintaran perekanya. Ada dokoh yang dihias dengan batu permata seperti delima, zamrud, nilam dan intan.

Dokoh dipakai juga oleh orang Cina Peranakan. Hanya reka coraknya diubahsuai untuk menunjukkan identiti mereka. Ini jelas kelihatan dengan adanya reka bentuk ikan, singa, rama-rama dan sebagainya.

